

SKIM A: GERAN INSENTIF PENYELIDIKAN PASCA SISWAZAH

Kriteria Pemohonan:

- Penyelia pelajar PhD sahaja yang layak untuk mendapatkan geran SKIM A.
- Nilai geran yang diberikan ialah RM5,000 sahaja.
- Tajuk penyelidikan perlulah berkaitan dengan Malaysia.

Syarat-Syarat Permohonan:

- Pelajar telah menjalani *Proposal Defense* dan disahkan oleh Jawatankuasa yang terlibat,
- Penyelia membuat permohonan beserta bajet (seperti Lampiran 1) sebelum tamat tempoh minima pengajian pelajar:

Sepenuh masa – 3 semester

Sambilan – 4 semester

Prosedur permohonan:

- Permohonan dilakukan oleh penyelia yang berstatus tetap sahaja dan warganegara Malaysia.
- Hanya penyelia kepada pelajar yang berstatus aktif sahaja layak memohon.
- Penyelia perlu menghantar borang permohonan SKIM A sebelum menghantar borang Intent to Submit (For Viva Voce). Sekiranya permohonan dihantar setelah menghantar Intent to Submit (For Viva Voce), permohonan SKIM A tidak akan dilayan.
- Penyelia perlu mengisi borang perjanjian, perlu dimatikan setem dan dikembalikan ke Pejabat GSGSG.
- Sekiranya pelajar meninggal dunia atau tidak menyambung pengajian, penyelia perlu meneruskan geran untuk tujuan penerbitan dan penyelidikan.
- Maksimum penyeliaan secara berseorangan adalah untuk 15 orang pelajar PhD.
- Penyelia pertama dan penyelia kedua boleh mengguna pakai akaun amanah pelajar yang sama bagi tujuan tuntutan.
- Penyelia perlu menyediakan laporan penyelidikan dan tuntutan perbelanjaan dalam tempoh ENAM (6) bulan selepas pelajar berjaya menamatkan pengajian.

Tatacara Kewangan:

- Satu akaun amanah akan dibuka oleh Jabatan Bendahari setelah permohonan diluluskan.
- Penyelia boleh menggunakan kod amanah yang diberikan oleh Jabatan Bendahari bagi tujuan tuntutan.
- Dana akan diberikan di dalam akaun amanah penyelia pertama sahaja.
- Semua urusan pembelian dan perbelanjaan haruslah melalui kelulusan Dekan GSGSG.
- Perbelanjaan atau tuntutan boleh dilakukan dari masa ke semasa sehingga dana .

Prosedur Pembiayaan:

Penyelia dan pelajar perlu menyediakan rancangan perbelanjaan (bajet) yang bersesuaian mengikut vot perbelanjaan yang dibenarkan. Perbelanjaan yang dirancang perlulah mematuhi Peraturan Kewangan dan Perakuan Universiti. Tuntutan perjalanan oleh pelajar tidak boleh melebihi kelayakan gred jawatan 41. Jenis vot perbelanjaan yang boleh diluluskan seperti Lampiran 1.

TIDAK DIBENARKAN:

- i. Pembayaran Pembantu Penyelidik.
- ii. Pembelian komputer, notebook, mesin pencetak atau alat komunikasi.

1. LAPORAN AKHIR

- i. Laporan akhir perlu dikemukakan dengan menyertakan perkara berikut;
 - a) 1 jilid laporan akhir *hardcover*
 - b) 1 CD
- ii. Format laporan akhir adalah seperti ditentukan oleh sekolah siswazah masing-masing.
- iii. Laporan perlu dihantar dalam tempoh enam (6) bulan selepas pelajar tamat pengajian.

2. HASIL PENYELIDIKAN DAN PENERBITAN

- i. Penyelia dan pelajar digalakkan untuk menerbitkan hasil penyelidikan masing-masing sama ada dalam bentuk buku, monograf, atau artikel dalam jurnal di peringkat tempatan atau antarabangsa.
- ii. Penyelia dan pelajar yang menerbitkan atau membentangkan hasil penyelidikan, hendaklah memberi penghargaan kepada Universiti di atas pembiayaan penyelidikan yang diperolehnya.
- iii. Hak pemilikan Harta Intelek adalah Hakmilik UUM. Penyelia dan pelajar. Digalakkan untuk memohon pendaftaran Harta Intelek sama ada di peringkat tempatan atau antarabangsa. Garis Panduan Harta Intelek di UUM boleh digunapakai. Namun begitu segala perbelanjaan bagi perlindungan Harta Intelek adalah di bawah tanggungjawab UUM.
- iv. Hasil pengkomersilan perlulah diagihkan mengikut Polisi Pengkomersilan sedia ada di IPTA.

3. LAPORAN KEWANGAN

- i. Penyelia dan pelajar bertanggungjawab menyediakan laporan kewangan di akhir projek dan menutup akaun penyelidikan masing-masing. Laporan kewangan penyelidikan adalah untuk makluman Pusat Pengajian.
- ii. Penyelia perlu mendapat kelulusan daripada Pusat Pengajian untuk menggunakan baki peruntukan sesuatu geran penyelidikan sekiranya ada.

4. AM

- i. Untuk memastikan kelinciran projek-projek penyelidikan, penyelia tidak dibenarkan untuk meninggalkan Universiti dalam tempoh yang boleh menjejaskan penyelidikan pelajarannya. Dalam konteks ini penyelia yang berkhidmat sebagai pegawai kontrak atau pinjaman atau yang akan melanjutkan pelajaran atau bercuti sabbatical atau membuat "*industrial attachment*" perlu menentukan bahawa tempoh penyelidikan pelajar tidaklah melewati tarikh akhir perkhidmatan mereka dengan Universiti.
- ii. Penyelia yang meletak jawatan hendaklah membayar balik segala perbelanjaan penyelidikan mereka sekiranya projek penyelidikan tersebut tidak dapat diteruskan hingga selesai. Semua keputusan yang berkaitan dengan perkara ini akan dibuat oleh Pusat Pengajian.
- iii. Projek penyelidikan yang "bermasalah" (menjangkau masa kajian dan masa-masa tambahan) akan diaudit oleh Pusat Pengajian. Penyelia dan pelajar yang terlibat dengan projek "bermasalah" **tidak dibenarkan** terlibat dengan projek kajian lain sehingga keputusan dicapai mengenai kajian berkenaan oleh Jawatankuasa Pusat Pengajian.

Lampiran 1

	Perincian Vot
2100 <i>Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup</i>	<ul style="list-style-type: none">✓ Persidangan/Seminar (sekitar asia tenggara sahaja)<ul style="list-style-type: none">• Kertas kerja yang dibentangkan di persidangan/seminar haruslah mempunyai kaitan dengan tajuk tesis pelajar✓ Kutipan data dalam Negara Malaysia sahaja<ul style="list-style-type: none">• kos perjalanan keluar/pulang ke luar negara bagi tujuan kutipan data tidak dibenarkan
2700 <i>Bekalan dan Bahan-bahan lain</i>	<ul style="list-style-type: none">✓ Membeli keperluan seperti buku, jurnal dan perisian sahaja
2900 <i>Perkhidmatan dan Iktisas</i>	<ul style="list-style-type: none">✓ Yuran jurnal (jurnal ISI/SCOPUS sahaja)✓ Percetakan (mencetak instrument) dan penjilidan tesis✓ <i>Proof reading (maksimum RM500)</i>